



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
BAHAGIAN GAJI DAN ELAUN  
Aras 9-10, Blok C2, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA



*Pemenang Anugerah Kualiti  
Perdana Menteri 2004*



Tel. : 03-88853000  
Faks : 03-88892218/88893062  
03-88892219/88892230/88892231  
Web : <http://www.jpa.gov.my>

Ruj. Kami : JPA(BGE)223/5/4-3(38)

Tarikh : 29 Mei 2009

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**Semakan Kadar Bantuan Mempelajari Bahasa Kepada Pegawai Yang Berkhidmat Di Luar Negeri**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kemudahan Bantuan Mempelajari Bahasa diperuntukkan di perenggan 2.3, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994 yang disediakan bagi pegawai serta pasangannya untuk mempelajari bahasa perantaraan di negara pegawai berkhidmat dan satu bahasa rasmi yang digunakan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu termasuk Bahasa Inggeris.

3. Bagi memenuhi hasrat Kerajaan untuk melahirkan pegawai-pegawai yang berkemahiran dalam bahasa-bahasa di seluruh dunia untuk tujuan diplomatik dan perdagangan, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju meluluskan semakan Bantuan Mempelajari Bahasa seperti berikut:

- i. kadar Bantuan Mempelajari Bahasa kepada **pegawai** dinaikkan daripada 75% kepada **100% berkuat kuasa mulai 1 Jun 2009**. Pemberian ini adalah berdasarkan kelulusan Ketua Perwakilan mengikut keperluan tugas dan tanggungjawab pegawai; dan
- ii. kadar pembiayaan Bantuan Mempelajari Bahasa kepada **pasangan** adalah **dikekalkan** pada kadar **75%** daripada yuran pembelajaran berdasarkan kelulusan Ketua Perwakilan sekiranya terdapat keperluan untuk mempelajari bahasa tersebut.

4. Selain itu, syarat-syarat tambahan bagi pemberian ini adalah seperti berikut:

- i. tempoh bantuan boleh dibayar tidak melebihi satu tahun yang diambil kira secara kumulatif; dan

- ii. pemilihan institusi/ guru persendirian hendaklah berpandukan kepada pengiktirafan oleh Kementerian Luar Negeri yang merangkumi aspek yuran, sukatan pelajaran dan tempoh **pembelajaran**.
5. Pemberian ini hendaklah mendapat kelulusan Ketua Perwakilan seperti berikut:
  - i. bagi pegawai, pertimbangan adalah berdasarkan keperluan tugas dan tanggungjawab; manakala
  - ii. bagi pasangan, pertimbangan adalah berdasarkan keperluan untuk mempelajari bahasa tersebut.
6. **Ketua Jabatan bertanggungjawab** untuk mengawal perbelanjaan kemudahan ini serta memastikan pegawai mencapai tahap penguasaan bahasa yang dapat memenuhi hasrat Kerajaan seperti dinyatakan di perenggan 3.
7. Dengan berkuatkuasanya Surat Edaran ini, kadar Bantuan Mempelajari Bahasa yang dinyatakan melalui surat bil. JPA(S)187/12-2 Klt.2(23) adalah dipinda. Jabatan ini berharap agar pemberian ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' YAP KIN SIAN)**  
Pengarah Bahagian Saraan  
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

☎ 03-88854003

✉ [ksyap@jpa.gov.my](mailto:ksyap@jpa.gov.my)

S.k:

- i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan  
Kementerian Kewangan  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**

- ii) Akauntan Negara  
Jabatan Akauntan Negara  
Aras 8, Lot 2G  
1A, Precint 2  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**
  
- iii) Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara  
Aras 6-9, Blok D2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62518 PUTRAJAYA**